

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 4 Julai 2025

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERDAGANGAN LUAR NEGERI SABAH 2025 JULAI 2025

Perdagangan Sabah kekal kukuh melebihi RM100 bilion selama tiga tahun berturut-turut walaupun menghadapi cabaran landskap ekonomi

PUTRAJAYA, 4 Julai 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Sabah, Julai 2025**. Penerbitan ini memaparkan statistik volum dan nilai barangan perdagangan luar negeri Sabah dengan rakan dagangan serta perincian mengikut klasifikasi komoditi.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Perdagangan Sabah kekal kukuh apabila mencatat jumlah dagangan sebanyak RM107.8 bilion pada tahun 2024, sekaligus melepasi paras RM100 bilion bagi tiga tahun berturut-turut sejak 2022. Dari segi perbandingan tahun ke tahun, jumlah dagangan Sabah mencatat pertumbuhan sebanyak 2.7 peratus. Eksport Sabah mencatatkan RM61.3 bilion pada 2024, turun sebanyak 2.3 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, import Sabah meningkat 10.2 peratus, daripada RM42.2 bilion kepada RM46.4 bilion. Pertumbuhan import yang lebih tinggi berbanding eksport menyebabkan imbalan perdagangan mencatatkan susut 27.9 peratus dengan nilai lebihan dagangan yang lebih rendah sebanyak RM14.9 bilion bagi tahun 2024”.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan bahawa tiga komoditi yang menyumbang kepada eksport Sabah pada tahun 2024 ialah petroleum mentah bernilai RM21.3 bilion, diikuti oleh minyak kelapa sawit (RM17.3 bilion) dan gas asli cecair (RM4.6 bilion). Secara keseluruhan, eksport ketiga-tiga produk utama ini berjumlah RM43.2 bilion, menyumbang sebanyak 70.4 peratus kepada keseluruhan nilai eksport Sabah. Manakala penyumbang utama import pula adalah produk petroleum bertapis sebanyak RM5.2 bilion, baja dikilangkan (RM1.0 bilion) dan oleokimia berasaskan kelapa sawit (RM266.0 juta).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menjelaskan bahawa eksport Sabah meliputi transaksi perdagangan antarabangsa dan antara wilayah iaitu Semenanjung Malaysia dan Sarawak berdasarkan transaksi fizikal di pintu masuk/keluar negeri Sabah. Dari perspektif antarabangsa, jumlah eksport Sabah meningkat 0.9 peratus atau RM338.8 juta berbanding RM38.9 bilion pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, eksport Sabah ke Semenanjung Malaysia mencatatkan penyusutan sebanyak 7.2 peratus atau RM1.6 bilion kepada RM20.5 bilion pada tahun 2024. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan eksport bagi beberapa komoditi utama seperti petroleum mentah (-RM1.9 bilion, -10.6%), minyak kelapa sawit (-RM45.2 juta, -6.5%), dan oleokimia berasaskan kelapa sawit (-RM17.2 juta, -44.8%).

Sementara itu, peningkatan import Sabah pada tahun 2024 disokong oleh import yang lebih tinggi dari Semenanjung Malaysia yang meningkat sebanyak 14.9 peratus atau RM3.9 bilion, daripada RM26.0 bilion pada tahun sebelumnya. Di peringkat global, terdapat peningkatan import dari Indonesia (+RM418.4 juta, +49.7%), Thailand (+RM112.0 juta, 7.5%) dan China (+RM101.0 juta, 2.4%). Mengikut kategori umum, peningkatan import Sabah disokong oleh kategori makanan dan minuman, 10.2 peratus dan bekalan perindustrian, 9.0 peratus.

Semenanjung Malaysia menyumbang sebanyak 46.8 peratus daripada jumlah dagangan negeri Sabah. Manakala di peringkat antarabangsa, rakan dagangan utama negeri Sabah adalah China, Thailand, Republik Korea, Jepun dan India dengan sumbangan sebanyak 26.8 peratus.

Jabatan turut menerbitkan Statistik Perdagangan Luar Negeri tahunan bagi 15 negeri yang memberikan nilai perdagangan antarabangsa setiap negeri dengan negara-negara antarabangsa lain bagi tempoh 2019 hingga 2024. Bagi negeri Sabah, nilai yang digunakan adalah nilai perdagangan antarabangsa negeri Sabah tanpa mengambilkira perdagangan negeri Sabah dengan Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Bagi tahun 2024, jumlah perdagangan Sabah mengikut nilai tersebut mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.6 peratus kepada RM43.0 bilion daripada RM41.5 bilion pada tahun 2023. Jumlah dagangan ini disumbangkan oleh eksport yang bernilai RM32.1 bilion dan import bernilai RM10.9 bilion. Eksport Sabah mencatatkan peningkatan sebanyak 3.2 peratus kepada RM32.1 bilion pada tahun 2024, berbanding tahun 2023 sebanyak RM31.1 bilion. Import Sabah pada tahun 2024 bernilai RM10.9 bilion, mencatatkan peningkatan sebanyak 5.0 peratus berbanding tahun sebelumnya. Angka yang dinyatakan ini terdapat perbezaan dengan laporan yang diterbitkan pada 16 Jun 2025 berikutan pengemaskinian yang telah dibuat mengikut data terkini.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang


bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta : Eksport, Import, Imbangan Dagangan dan Jumlah Perdagangan Sabah, 2014 – 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
4 JULAI 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, July 4th 2025



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

SABAH EXTERNAL TRADE 2025 JULY 2025

Sabah's trade remained resilient, exceeding RM100 billion for three consecutive years despite challenges in the economic landscape.

PUTRAJAYA, July 4th, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has published ***Sabah External Trade Statistics, July 2025***. This publication presents statistics on the volume and value of Sabah's external trade with trading partners, along with detailed breakdowns by commodity classification.

Commenting on the report, Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Sabah's trade remained resilient, registered a total trade value of RM107.8 billion in 2024, surpassing the RM100 billion mark for third consecutive years since 2022. In terms of year-on-year basis, Sabah's total trade registered a growth of 2.7 per cent. Exports amounted to RM61.3 billion in 2024, a decline of 2.3 per cent as compared to the previous year. Meanwhile, imports increased by 10.2 percent, from RM42.2 billion to RM46.4 billion. The higher growth in imports compared to exports resulted 27.9 percent decline in the trade balance, with a lower trade surplus of RM14.9 billion in 2024."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, the three main commodities contributing to Sabah's exports in 2024 were crude petroleum valued at RM21.3 billion, followed by palm oil (RM17.3 billion) and liquefied natural gas (RM4.6 billion). Overall, the exports of these main commodities amounted to RM43.2 billion or 70.4 per cent of Sabah's total export. As for imports, the main contributors were refined petroleum products at RM5.2 billion, manufactured fertilizers (RM1.0 billion), and palm-based oleochemicals (RM266.0 million).

The Chief Statistician of Malaysia also explained that Sabah's exports encompass both trade transactions on international and inter-regional (Peninsular Malaysia and Sarawak) based on physical transactions at the entry/exit points of the state of Sabah. From the international perspective, Sabah's exports increased by 0.9 per cent or RM338.8 million compared to RM38.9 billion in the previous year. However, exports from Sabah to Peninsular Malaysia recorded a decline of 7.2 per cent or RM1.6 billion, amounting to RM20.5 billion in 2024. This decrease was due to the decline in export of several major commodities, including crude petroleum (-RM1.9 billion, -10.6%), palm oil (-RM45.2 million, -6.5%), and palm-based oleochemicals (-RM17.2 million, -44.8%).

Meanwhile, the increase in Sabah's imports in 2024 was supported by higher imports from Peninsular Malaysia, rose 14.9 per cent or RM3.9 billion, from RM26.0 billion in the previous year. At global level, there was an increase in imports from Indonesia (+RM418.4 million, +49.7%), Thailand (+RM112.0 million, +7.5%), and China (+RM101.0 million, +2.4%). According to general categories, the increase in imports for Sabah is supported by the food and beverage category at 10.2 per cent and the industrial supplies category at 9.0 per cent.

Peninsular Malaysia contributed 46.8 per cent of Sabah's total trade. At the international level, Sabah's main trading partners were China, Thailand, Republic of Korea, Japan, and India, with a contribution of 26.8 per cent.

The department had also published the annual External Trade Statistics for 15 states providing international trade values for each state with other international countries for the period of 2019 to 2024. For Sabah, the values used are the international trade values of Sabah, excluding trade between Sabah with Peninsular Malaysia and Sarawak. For the year 2024, the total trade of Sabah based on these values recorded a growth of 3.6 per cent to RM43.0 billion from RM41.5 billion in 2023. This total trade was contributed by exports valued at RM32.1 billion and imports valued at RM10.9 billion. Sabah's exports increased by 3.2 per cent to RM32.1 billion in 2024 compared to RM31.1 billion in 2023. Imports in 2024 amounted to RM10.9 billion, marking an increase of 5.0 per cent over the previous year. The mentioned values differ from the report published on 16 June 2025 following the updates made based on the latest data.


ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart: Exports, Imports, Trade Balance and Total Trade of Sabah, 2014 – 2024



Released by:
THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
4 July 2025